# Semarak bidang mekatronik

HARIAN METRO (BESTARI) 13 JULAI 2015 m/s 6

**Universiti** Malaysia Pahang (UMP) mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dengan Bosch (Malaysia) bagi memberi kemudahan penuntut bidang mekatronik dan automotif menjalani latihan industri.

Pada majlis itu, Bosch Malaysia menawarkan dua biasiswa kepada penuntut UMP untuk melanjutkan pengajian peringkat ijazah selain membuka peluang pekerjaan kepada yang layak.

Turut diadakan pameran daripada syarikat Jerman yang beroperasi di negara ini seperti Volkswagen, Airbus, BMW dan Siemens.




MAJLIS MoU berjalan lancar menandakan termenterai perjanjian kedua-dua pihak.




SYARIKAT Jerman turut mengadakan pameran sebagai platform mempamerkan produk serta teknologi masing-masing.